

**LAPORAN PROGRAM LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PREMIS YANG
DITETAPKAN (PYDT) DALAM PENGURUSAN E-WASTE DI BAWAH PROGRAM
E-WASTE ALAM ALLIANCE PERINGKAT NEGERI SELANGOR ANJURAN
BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR DAN
JAWATANKUASA TETAP PELANCONGAN, ALAM SEKITAR, TEKNOLOGI
HIJAU DAN HAL EHWAL PENGGUNA NEGERI SELANGOR

PADA 8 HINGGA 9HB MEI 2018**

PENGENALAN

Program Lawatan Sambil Belajar ke Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Bagi Pengurusan Buangan E-Waste di bawah Program E-Waste Alam Alliance Peringkat Negeri Selangor telah diadakan di tiga (3) buah premis PYDT iaitu di Negeri Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan pada 8hb hingga 9 hb Mei 2018. Program ini berjaya dilaksanakan dengan sokongan dan kerjasama daripada Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, T-Pot Electricals & Electronics Sdn Bhd (Selangor), Meriahtek (M) Sdn Bhd (Melaka) dan Kualiti Alam Sdn Bhd (Negeri Sembilan), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor dan Jawatankuasa Pelaksanaan Program E-Waste Alam Alliance Peringkat Negeri Selangor

LAWATAN KE T-POT ELECTRICAL & ELECTRONICS SDN BHD

Program yang dijalankan ini berlangsung selama 2 hari 1 malam dimana Jabatan menyediakan pengangkutan iaitu bas persiaran dan penginapan di Melaka bagi melancarkan perjalanan program ini. Pada hari pertama program iaitu pada 8 Mei 2018, lawatan dimulakan dengan pendaftaran para peserta seawal jam 7.30 pagi di pejabat Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor. Seterusnya pada jam 9.00 pagi, lawatan pertama diadakan adalah di premis T-Pot Electrical & Electronics Sdn Bhd (T-POT) dimana premis ini adalah dilesenkan bagi Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa Luar Tapak (Partial E-Waste) bagi kod SW 110.

T-POT adalah salah satu ahli Jawatankuasa Pengurusan Buangan E-Waste Alam Alliance Peringkat Negeri Selangor. Semua peserta diberi taklimat oleh Pengurus T-POT, Puan Mandy Chan mengenai proses yang dijalankan daripada pengutipan buangan e-waste daripada isi rumah atau premis sehingga proses pemerolehan kembali buangan e-waste yang dijalankan. Premis merupakan premis yang dilesenkan untuk separa e-waste dimana proses pemerolehan kembali buangan hanya melibatkan proses *sorting* dan pengasingan. Buangan yang diterima akan diperiksa samada berfungsi/boleh dibaiki atau tidak. Buangan yang masih berfungsi akan dibaiki dan *refurbishing* dan dijual sebagai produk premis. Manakala bagi buangan yang telah rosak dan tidak boleh dibaiki akan dilupuskan sebagai plastik, *metal* atau e-waste di premis yang dilesenkan (*full e-waste*) atau dijual di premis yang mengambil barang-barang terpakai.



Foto 1 : Taklimat disampaikan oleh Puan Mandy Chan, Pengurus T-Pot Electrical & Electronics Sdn Bhd



Foto 2 : Peserta Program mendengar taklimat di T-Pot Electrical & Electronics Sdn Bhd



Foto 3 : Lawatan Ke Bahagian Pemprosesan Buangan E-Waste Di Premis T-Pot Electrical & Electronics Sdn Bhd

LAWATAN KE PREMIS MERIAHTEK (M) SDN BHD

Lawatan seterusnya adalah ke premis Meriahtek (M) Sdn Bhd di Melaka. Kehadiran kami dialu-alukan oleh Pengurus Eksekutif Meriahtek (M) Sdn Bhd iaitu Datuk Jason Yee. Premis tersebut merupakan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) bagi kemudahan pemerolehan kembali penuh buangan e-waste yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Melaka. Kemudahan kembali penuh buangan e-waste bermaksud premis menerima buangan e-waste daripada *partial* atau secara terus daripada pengguna. Aktiviti yang akan dijalankan adalah sama seperti *partial* dimana buangan yang diterima akan melalui proses pengasingan dimana proses ini akan mengasingkan buangan plastik, logam, kabel, wayar, kaca atau *Printed Circuit Board* (PCB). Selepas buangan-buangan ini telah diasing, ia akan melalui beberapa proses seperti *shredding*, *crushing* dan seterusnya akan melalui proses-proses kimia seperti

electrolisis dan dikeringkan untuk mendapatkan *precious metal* seperti emas, *silver*, *copper* dan lain-lain.

Semua peserta diberikan taklimat dan melawat ruang yang menjalankan aktiviti dan proses bagi buangan e-waste yang dijalankan oleh premis. Premis juga merupakan salah satu ahli Jawatankuasa E-Waste Alam Alliance di Melaka yang aktif dalam program-program kesedaran e-waste. Premis telah mewujudkan Drop-off E-Waste Centre di AEON Mall Bandaraya Melaka dengan mendapat kerjasama daripada AEON Mall Bandaraya Melaka bagi memudahkan penduduk di Melaka untuk menghantar / melupuskan barangan elektrik dan elektronik yang telah rosak di tempat yang betul.



Foto 4 : Taklimat Oleh Pengurus Eksekutif Meriahtek (M) Sdn Bhd Berkenaan Proses Kimia Yang Dijalankan Oleh Premis Untuk *Full Recovery*



Foto 5 : Sesi bergambar dengan Pengurus Eksekutif Meriahtek (M) Sdn Bhd selepas selesai sesi lawatan



Foto 6 : Taklimat mengenai pengurusan e-waste di E-Waste Drop-off Centre Aeon Mall Bandaraya Melaka oleh Meriahtek (M) Sdn Bhd



Foto 7 : E-Waste Drop-off Centre di Aeon Mall Bandaraya Melaka Yang Disediakan oleh Meriahtek (M) Sdn Bhd Untuk Kesedaran Orang Awam Dan Pengunjung Aeon



Foto 8 : Buangan Yang Diterima Oleh Pengguna Yang Ditempatkan Di Dalam Drop-Off e-Waste (Foto Kiri) dan Maklumat Yang Disediakan Untuk Orang Awam Di Luar e-Waste Drop-Off Centre (Kanan)

LAWATAN KE PREMIS KUALITI ALAM SDN BHD

Pada 9 Mei 2018, lawatan diteruskan ke premis Kualiti Alam Sdn Bhd. Premis tersebut merupakan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) bagi Kemudahan Tapak Pelupusan Selamat yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan. Semua peserta diberikan taklimat oleh Ketua Bahagian Pengurusan Projek dan Operasi, Encik Zainuddin Zulkifli tentang aktiviti dan proses yang dijalankan oleh premis serta kemudahan-kemudahan yang disediakan di premis. Premis merupakan premis yang menerima buangan terjadual yang dihasilkan daripada proses pemerolehan kembali buangan terjadual secara penuh dan melupuskan buangan tersebut di Tapak Pelupusan Selamat.

Walaupun bagaimanapun, premis juga dilesenkan bagi Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa Luar Tapak (Partial E-Waste) bagi kod SW 110. Premis juga dalam proses pembinaan loji pemerolehan kembali Penuh Luar Tapak (Full E-Waste) bagi kod SW 110.

Premis telah menjalankan kempen kesedaran buangan e-waste dan kitar semula di kalangan pekerja dengan mewujudkan program "Recycle For Life". Program ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pekerja-pekerja Kualiti Alam Sdn Bhd. Peserta berpeluang untuk melihat keseluruhan kawasan pemprosesan dan pelupusan buangan terjadual yang dijalankan oleh Kualiti Alam Sdn Bhd.



Foto 9 : Lawatan Ke Bahagian Pemprosesan Bagi Buangan E-Waste Secara Separa Di Premis Kualiti Alam Sdn Bhd



Foto 10 : Lawatan Ke Bahagian Proses Peleraian E-Waste di Premis Kualiti Alam Sdn Bhd



Foto
11 :
Buang
an E-
Waste
Yang
Telah
Dilera
ikan
Dan
Diasin
g



Foto 12 : Sesi Bergambar Dengan Pihak Premis Kualiti Alam Sdn Bhd Selepas Selesai Sesi Lawatan

PENYERTAAN

Program ini dihadiri oleh 38 orang peserta yang terdiri daripada PBT di Negeri Selangor, UPEN, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen PBT.

KESIMPULAN

Program lawatan ini dapat memberikan gambaran dan pengalaman kepada peserta berkenaan dengan proses-proses penerimaan buangan terjadual e-waste daripada pengguna samada isi rumah atau industri terus ke pihak premis penerima buangan yang dilesenkan bagi kod buangan SW 110 sebelum ianya di baikpulih atau proses menjadi produk kepada pengguna. Setiap PBT dan agensi kerajaan di Negeri Selangor diharap dapat menjadikan pengalaman ini sebagai rujukan dan panduan bagi menyediakan kemudahan seperti pusat kitar semula e-waste, *drop-off* e-waste atau program-program kesedaran e-waste di kawasan masing-masing dengan lebih baik mengikut prosedur yang ditetapkan.

JAWATANKUASA PELAKSANAAN PROGRAM E-WASTE ALAM ALLIANCE

Jawatankuasa pelaksanaan program e-waste Alam Alliance Peringkat Negeri Selangor sehingga kini terdiri daripada agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan Negeri, Institut Pengajian Tinggi (IPT), premis yang dilesenkan JAS, *retailer* dan *hypermarket* iaitu Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, Universiti Selangor (UNISEL), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shan Poornam Metal Sdn Bhd, T-Pot Electrical & Electronics Sdn Bhd, Toshiba, Senheng, AEON Retails dan Rentwise Sdn Bhd.

